

## Persepsi Peserta Kursus Pendek Terhadap Kursus yang Ditawarkan di Kolej Komuniti Masjid Tanah

Nurliyana Abdul Malik  
Kolej Komuniti Masjid Tanah  
E-mail: nurliyanamalik83@gmail.com

Izariani Ismail  
Kolej Komuniti Masjid Tanah  
E-mail: izariani77@gmail.com

Siti Nurlaili Nasuka  
Kolej Komuniti Masjid Tanah  
E-mail: lailinasuka@gmail.com

### Abstract

Life long learning is seen as a way providing oneself with a continuous and flexible approach to education. This approach is an all-encompassed platform to educate or re-equip individuals to meet job requirements. 'Kolej Komuniti Masjid Tanah' offered 389 cooking classes attended by 635 participants in 2017. As part of an institution-wide effort to maintain the relevance of the college as a life long learning hub for its local community, this study was conducted to measure how well the short courses meet the participants' expectation. 73 randomly selected participants were sampled for the study. The sample size meets the minimum threshold as calculated using G-Power software. The data was collected using a survey instrument was analysed using SPSS 21 through t-test procedures. The descriptive result shows that the participants' expectation were generally met for most aspects. This is evidenced by high satisfaction mean scores for facilities with cooking room being the highest (4.58), followed by security (4.45), equipment (4.41), and restroom (4.25). Internet access however, recorded the lowest mean (2.95). The study also finds that the participants' satisfaction were relatively high in terms of the programs (mean = 4.25), infrastructure (mean = 4.10), and the short courses (mean = 4.30).

**Keywords:** Life long learning, Perception, satisfaction

### Abstrak

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dapat dilihat sebagai satu pendekatan yang dapat memberi peluang pembelajaran kepada seseorang secara berterusan dan lebih fleksibel. Ia merupakan platform yang lebih meluas dan menyeluruh berkaitan dengan kompetensi yang hendak diasah bagi mempersiapkan individu menghadapi tuntutan alam pekerjaan. Kolej Komuniti Masjid Tanah telah menawarkan sebanyak 389 kursus masakan dengan bilangan peserta seramai 635 pada tahun 2017. Bagi menjamin Kolej Komuniti Masjid Tanah kekal relevan sebagai hub Pembelajaran Sepanjang Hayat kepada komuniti setempat, maka kajian ini telah dilakukan bagi melihat sejauh mana kursus pendek dapat memenuhi kehendak mereka. Subjek kajian ini terdiri daripada 73 orang peserta yang telah dipilih secara rawak. Persampelan ini dibuat mengikut kaedah persampelan *G-Power* kerana kajian ini tidak dapat menganggarkan jumlah populasi sebenar peserta kajian. Alat kajian yang digunakan ialah soal selidik. Hasil kajian ini dianalisis dengan menggunakan *IBM SPSS (Statistical Package For The Sosial Sciences)* versi 21 bagi melihat skor min dan Ujian T bagi mengenal pasti perbezaan persepsi peserta terhadap kursus pendek di Kolej Komuniti Masjid Tanah. Bagi kemudahan infrastruktur nilai skor min adalah tinggi terhadap bilik masakan (4.58), peralatan (4.41), kawalan keselamatan urusan keluar masuk (4.45) dan kemudahan tandas (4.25). Manakala kemudahan *Internet* mencatatkan skor min yang terendah iaitu 2.95. Hasil kajian mendapati interpretasi skor min bagi tahap kepuasan peserta kursus pendek adalah

tinggi iaitu 4.25 bagi pelaksanaan program kursus pendek, 4.10 bagi kemudahan infrastruktur dan 4.30 bagi tahap kepuasan kursus pendek.

**Kata Kunci** : Pembelajaran Sepanjang Hayat, Persepsi, Tahap Kepuasan

## **1.0 Pengenalan**

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dapat dilihat sebagai satu pendekatan yang dapat memberi peluang pembelajaran kepada seseorang secara berterusan dan lebih fleksibel. Ia merupakan platform yang lebih meluas dan menyeluruh berkaitan dengan kompetensi yang hendak diasah bagi mempersiapkan individu menghadapi tuntutan alam pekerjaan (Norfadzilah Mohamad, Hasnurul Nazimah Hashim & Nor Lizam Rajulan 2017).

Kolej Komuniti Masjid Tanah menerima permintaan yang tinggi terhadap kursus yang ditawarkan. Ini terbukti dengan bilangan peserta kursus pendek yang mencapai KPI sejak tahun 2016 iaitu seramai 5490 orang peserta dan 4437 orang peserta pada tahun 2017. Ini adalah disebabkan kesedaran tentang pendidikan telah meningkat dengan wujudnya Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), yang membolehkan sesiapa sahaja menimba ilmu tanpa mengira batas umur dan kelayakan akademik (KKMT 2018).

Dewasa ini, banyak institusi pendidikan yang telah menjadi hub kepada pendidikan yang berunsurkan teknikal dan kemahiran. Kolej Komuniti juga tidak ketinggalan dalam melahirkan graduan TVET yang berkemahiran dan memenuhi pasaran kerja. Konsep pembelajaran yang dilaksanakan bukan hanya dilaksanakan secara sepenuh masa namun demikian memberi peluang kepada komuniti setempat untuk menimba ilmu dan kemahiran melalui kursus-kursus pendek (Razzian Mat Razali 2017).

Oleh itu, Kolej Komuniti Malaysia perlu kekal relevan dengan cara mengenalpasti keperluan dan kehendak pelanggan untuk memastikan mereka mampu bersaing dengan penyedia TVET yang lain dalam era globalisasi ini. Ini kerana secara purata kerajaan membelanjakan antara RM10 hingga RM20 juta untuk membina sesebuah kolej komuniti dan ia berbeza mengikut lokasi dan bentuk fizikal kolej terbabit (JPKK 2010). Perbelanjaan yang besar begini pastinya memerlukan pulangan yang besar bagi menentukan kerelevanan kolej komuniti sebagai Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang ulung di Malaysia. Komuniti setempat juga mengharapkan kolej komuniti mampu memberikan impak kepada mereka dari segi penghasilan modal insan yang berkualiti sama ada berbentuk akademik atau kemahiran. Maklumbalas dari pelanggan merupakan medium terbaik untuk meningkatkan mutu perkhidmatan sesuatu organisasi (Ishak Yussof dan Zulkifly Osman 2010). Oleh yang demikian, satu kajian untuk mengenalpasti maklumbalas komuniti setempat dapat digunakan sebagai panduan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bagi setiap kursus yang ditawarkan. Justeru satu kajian telah dilakukan untuk mengenalpasti persepsi komuniti setempat terhadap KKMT dari segi kemudahan proses pengajaran dan pembelajaran, peralatan dan kemudahan infrastruktur.

Kajian ini dibangunkan bagi mengenalpasti beberapa maklumbalas daripada komuniti setempat. Berikut adalah objektif kajian yang dijalankan:

1. Melihat tahap kepuasan komuniti setempat terhadap kursus pendek.
2. Melihat sama ada kemudahan yang disediakan dapat memenuhi kehendak komuniti setempat.
3. Mengenalpasti perbezaan persepsi peserta terhadap kursus pendek yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti Masjid Tanah.

Terdapat beberapa persoalan kajian yang dikenalpasti bagi mengenalpasti beberapa maklumbalas daripada komuniti setempat. Berikut adalah persoalan kajian yang dijalankan:

1. Adakah komuniti setempat berpuas hati dengan kursus pendek yang ditawarkan di KKMT?
2. Adakah kemudahan yang disediakan dapat memenuhi kehendak peserta?
3. a) Apakah perbezaan persepsi terhadap kursus pendek yang ditawarkan berdasarkan taraf pendidikan?  
b) Apakah perbezaan persepsi terhadap kursus pendek masakan berdasarkan pekerjaan?

## 2.0 Metodologi

### i. Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Kajian ini mendapat maklum balas daripada peserta kursus pendek Kolej Komuniti Masjid Tanah.

### ii. Alat Kajian

Kajian ini telah menggunakan instrumen soal selidik sebagai teknik untuk mendapatkan data. Instrumen soal selidik diambil daripada Mohd Najib et al.(2017) yang mempunyai nilai *Alpha Cronbach* 0.87.

Set soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat diri responden. Bahagian ini perlu dikemukakan kerana faktor-faktor tertentu yang berkemungkinan mempengaruhi respon responden. Item-item bahagian B pula merupakan set soal selidik yang masing-masing menggunakan Skala Likert 5 poin. Bahagian B bertujuan mengkaji tahap kepuasan peserta kursus pendek terhadap kursus pendek bidang masakan di KKMT. Selain itu kajian ini juga dijalankan untuk melihat sama ada kemudahan yang disediakan dapat memenuhi kehendak peserta kursus pendek. Perbezaan persepsi peserta terhadap kursus pendek yang masakan yang ditawarkan juga turut dikaji. Item-item yang dibina adalah berdasarkan objektif kajian terhadap aspek-aspek kajian. Bahagian ini menggunakan soal selidik dalam bentuk Skala Likert 5 poin. Skala Likert 5 poin terdapat lima maklum balas iaitu 1 untuk Sangat Tidak Setuju

(STS), 2 untuk Tidak Setuju (TS), 3 untuk Tidak Pasti (TP), 4 untuk Setuju (S) dan 5 untuk Sangat Setuju (SS). Responden dikehendaki menandakan satu jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan skala. Segala respon yang diberikan akan menjadi sumber kepada penyelidik dalam menentukan persepsi peserta kursus pendek yang ditawarkan di KKMT. Ini penting kepada penyelidik dalam membuat cadangan yang mempunyai implikasi yang positif dan lebih praktikal.

**iii. Tempat Kajian**

Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka telah dipilih sebagai tempat bagi kajian persepsi peserta kursus pendek terhadap kursus masakan yang ditawarkan di Kolej Komuniti Masjid Tanah.

**iv. Populasi dan Pensampel**

Seramai 73 responden dipilih secara rawak dalam kajian ini. Saiz sampel ditentukan menggunakan perisian *G\*Power* versi 3.1.9.2. Melalui perisian ini, saiz sampel minimum sebanyak 70 adalah mencukupi untuk tujuan *2 independent samples t-test*, dengan konvensi Cohen *d*, *large effect* (Cohen, 2013), dengan kuasa statistik 0.952. Responden kajian terdiri daripada peserta kursus pendek yang menyertai kursus pendek masakan di KKMT.

**v. Pembolehubah Kajian**

Pembolehubah kajian terdiri daripada pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Pembolehubah bersandar yang terdapat dalam kajian ini adalah kemudahan infrastruktur dan tahap kepuasan peserta kursus pendek manakala pembolehubah tidak bersandar pula adalah jantina, taraf pendidikan dan sektor pekerjaan.

**vi. Analisa**

Analisa dijalankan menggunakan perisian SPSS versi 21 untuk mengukur tahap skor min (objektif 1 dan 2) dan *t-test* untuk mencapai (objektif 3).

### **3.0 Analisis Dan Perbincangan Dapatan**

Bentuk kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan Kuantitatif secara tinjauan dan menggunakan persampelan rawak berstrata. Mengikut Sekaran (2003), persampelan ini merujuk kepada responden yang mewakili pelbagai kumpulan dan persampelan ini memastikan semua sampel mewakili kumpulan mereka secara sekata. Responden-responden yang menjalankan sampel kajian di dalam kajian ini adalah peserta-peserta kursus pendek tahun 2018 yang terdiri daripada komuniti setempat. Kajian terhadap persepsi peserta kursus pendek terhadap kursus yang ditawarkan di Kolej Komuniti Masjid Tanah terdiri daripada tiga aspek utama yang dikaji iaitu pelaksanaan program kursus pendek, kemudahan infrastruktur dan


tahap kepuasan terhadap kursus tersebut. Penilaian terhadap persepsi mereka akan menggambarkan kejayaan pelaksanaan kursus pendek masakan yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti Masjid Tanah. Analisis persepsi responden adalah berdasarkan kepada skala Likert yang digunakan dalam penilaian.

### 3.1 Analisis Demografi

Sebanyak 73 responden diperolehi dan dianalisa dalam kajian ini. Daripada jumlah ini, 52.1 peratus adalah penjawat awam, manakala 47.9 peratus merupakan kakitangan swasta. Data ini dirangkumkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1:** Demografi Responden Mengikut Sektor Pekerjaan

		Frekuensi	Peratus
Sektor	Kerajaan	38	52.1
	Swasta	35	47.9
Jumlah		73	100.0




**Rajah 1 :** Demografi Responden Mengikut Sektor Pekerjaan

Jadual 2 menyenaraikan pecahan kumpulan ini mengikut jantina. Dari aspek jantina, wanita merupakan golongan utama yang menyertai program yang mewakili sebanyak 60.3 peratus, manakala 39.7 peratus adalah responden lelaki.

**Jadual 2 :** Demografi Responden Mengikut Jantina

		Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	29	39.7
	Perempuan	44	60.3
Jumlah		73	100.0




**Rajah 2 :** Demografi Responden Mengikut Jantina

Majoriti responden melaporkan mereka memiliki ijazah, iaitu sebanyak 57.5 peratus iaitu seramai 42 orang. Manakala peserta yang memiliki SPM adalah sebanyak 42.5 peratus atau seramai 31 orang.

**Jadual 3 :** Demografi Responden Mengikut Kelayakan Akademik

		Frekuensi	Peratus
Kelayakan Akademik	SPM	31	42.5
	Ijazah Sarjana Muda	42	57.5
Jumlah		73	100.0



**Rajah 3 :** Demografi Responden Mengikut Kelayakan Akademik

### 3.2 Analisis Kajian

Bagi memudahkan proses menganalisa data bagi persoalan kajian, penyelidik telah menggunakan interpretasi skor min yang telah dikemukakan oleh Nunnally & Bernstein (1994) sebagai rujukan interpretasi. Tahap skor ini diringkaskan dalam Jadual 4 seperti di bawah.

**Jadual 4 :** Skor min

Skor min	Tahap kesediaan
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Diadaptasi daripada Nunnally dan Bernstein (1994)

Kajian ini telah berjaya menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan iaitu:

1. *Melihat tahap kepuasan komuniti setempat terhadap kursus pendek.*

**Jadual 5 :** Skor Min Bagi Objektif 1

Bahagian	Perkara	Skor Min Keseluruhan	Interpretasi
<b>B1</b>	Pelaksanaan Program Kursus Pendek	4.25	Tinggi

<b>B2</b>	Kemudahan Infrastruktur	4.10	Tinggi
<b>B3</b>	Tahap Kepuasan Kursus Pendek	4.30	Tinggi

Berdasarkan kepada Jadual 5 di atas, menunjukkan dapatan bagi keseluruhan bahagian kajian di mana skor min adalah tinggi. Oleh itu dapatan kajian menunjukkan peserta berpuas hati terhadap kursus pendek yang ditawarkan di Kolej Komuniti Masjid Tanah. Ini disokong oleh kajian Mohd Faizullah (2014) menyatakan peranan kolej komuniti selaku pemudah cara dengan menyediakan fasiliti latihan dengan tenaga pengajar yang berkebolehan menggalakan minat dan kecenderungan masyarakat setempat menambah pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada dengan mengikuti kursus pendek.

2. *Melihat sama ada kemudahan yang disediakan dapat memenuhi kehendak komuniti setempat.*

**Jadual 6 : Skor Min Bagi Objektif 2**

Bil	Item	Min
<b>1</b>	Bilik Masakan yang disediakan selesa untuk pelaksanaan kursus pendek.	4.58
<b>2</b>	Peralatan yang disediakan mencukupi untuk pelaksanaan kursus pendek.	4.41
<b>3</b>	Pejabat pentadbiran (psh) menyediakan perkhidmatan kaunter yang mesra pelanggan.	3.66
<b>4</b>	Pelanggan mudah berurusan dengan pegawai bertugas.	4.52
<b>5</b>	Kafeteria menyediakan kemudahan asas yang mencukupi.	3.68
<b>6</b>	Kualiti makanan yang disediakan di cafeteria adalah setimpal dengan harga.	3.84
<b>7</b>	Kemudahan tempat letak kenderaan adalah mencukupi.	4.27
<b>8</b>	Kebersihan tandas adalah memuaskan.	4.25
<b>9</b>	Kolej komuniti menyediakan kemudahan internet yang memuaskan.	2.95
<b>10</b>	Kawalan keselamatan keluar dan masuk adalah memuaskan.	4.45
<b>11</b>	Alat pemadam kebakaran yang disediakan adalah mencukupi.	3.75
	Keseluruhan	4.03

Berdasarkan kepada Jadual 6 di atas, skor min paling tinggi adalah 4.58. Ini menunjukkan peserta berpendapat Bilik Masakan yang disediakan selesa dan sesuai untuk pelaksanaan kursus pendek. Selain itu, peserta juga sangat berpuas hati dengan peralatan di bilik masakan, tempat letak kenderaan, kebersihan tandas, kawalan keselamatan keluar dan masuk serta mudah berurusan dengan pegawai bertugas semasa kursus dilaksanakan. Ini kerana min yang ditunjukkan adalah dalam lingkungan skala 3.01 – 4.00. Peserta juga berpuas hati dengan pentadbiran, kualiti makanan yang disediakan oleh pihak cafeteria serta wujudnya alat pemadam api berhampiran dengan tempat kursus dijalankan. Walau bagaimanapun



peserta kurang berpuas hati dengan kemudahan Internet di Kolej Komuniti Masjid Tanah dengan nilai skor min yang sederhana rendah iaitu 2.95.

3. Mengenalpasti perbezaan persepsi peserta terhadap kursus pendek yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti Masjid Tanah.

- a) Apakah perbezaan persepsi terhadap kursus pendek yang ditawarkan berdasarkan taraf pendidikan?

Berdasarkan data demografi ada 2 kumpulan peserta kursus pendek yang dikelaskan berdasarkan tahap pendidikan iaitu lulusan SPM (31 orang) dan Ijazah Sarjana Muda (42 orang).

**Jadual 7** : Analisis perbezaan tahap kepuasan antara tahap pendidikan

Pendidikan	<i>n</i>	<i>t</i>	min	sp	sig.
SPM	31	-3.300	4.0826	.29488	.040
Ijazah Sarjana Muda	42	-3.300	4.2872	.21123	.040

Hasil analisis seperti di Jadual 7 mendapati nilai  $t = -3.300$  dan nilai  $p$  adalah pada .040 yang kurang daripada nilai  $p$  yang ditetapkan iaitu 0.05. Ini menunjukkan wujud perbezaan tahap kepuasan peserta mengikut pendidikan. Peserta yang memiliki ijazah (*degree*) mencapai kepuasan lebih tinggi daripada kumpulan yang memiliki SPM. Ini menyokong beberapa kajian yang mendapati pencapaian akademik mampu memberikan perbezaan kematangan dari segi cara berfikir dan persepsi terhadap sesuatu perkara. Malah Collins (2010) menyatakan lulusan kolej komuniti di Amerika Syarikat yang menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi menunjukkan kematangan yang lebih baik berbanding dengan mereka yang tidak menyambung pelajaran. Begitu juga dengan kajian Ahmad Rosli (2016) yang mendapati alumni-alumni kolej komuniti mencadangkan pelajar-pelajar kolej komuniti agar terus menyambung pelajaran supaya lebih terbuka pemikiran mereka.

- b) Apakah perbezaan persepsi terhadap kursus pendek masakan berdasarkan pekerjaan?

Data demografi menunjukkan ada 2 sektor utama pekerjaan yang mengikuti kursus pendek di KKMT iaitu sektor kerajaan (38 orang) dan sektor swasta (35 orang).

**Jadual 8** : Analisis perbezaan antara pekerjaan

Pekerjaan	<i>n</i>	<i>t</i>	min	sp	sig.
Kerajaan	38	-4.460	4.2057	.32353	.000
Swasta	35	-4.460	4.2343	.17480	.000

Jadual 8 menunjukkan wujud perbezaan antara pekerja sektor kerajaan dan swasta dalam persepsi mereka terhadap kursus pendek di KKMT. Peserta dari sektor swasta ( $mean = 4.23$ ) melaporkan kepuasan yang

lebih tinggi daripada peserta dari sektor kerajaan ( $mean = 4.21$ ). Ini menyokong kajian Ab. Wahab Saad (1992) yang mendapati wujud perbezaan antara pekerja swasta dan kerajaan dalam penilaian mengenai pekerjaan dan kursus yang dihadiri.

#### 4.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya beberapa rumusan boleh didapati dari kajian ini:

- i. Tahap kepuasan peserta terhadap kursus-kursus pendek yang dianjurkan di KKMT adalah tinggi. Namun, penelitian pada sampel menunjukkan tahap kepuasan adalah berbeza dan dipengaruhi oleh taraf pendidikan dan sektor pekerjaan peserta kursus pendek.
- ii. Faktor pendidikan dan sektor pekerjaan mempengaruhi persepsi peserta kursus pendek. Walaupun perbezaan tahap kepuasan ini adalah kecil antara kumpulan SPM-Ijazah, dan kumpulan kerajaan-swasta, hakikatnya bahawa perbezaan yang signifikan secara statistik harus mendorong penganjur untuk menilai semula pendekatan penyampaian kursus bagi memenuhi kehendak golongan ini.

Kajian ini telah berjaya mencapai objektifnya untuk mendapatkan maklumbalas peserta-peserta kursus pendek berkenaan persepsi mereka terhadap kursus-kursus pendek berkaitan makanan di KKMT. Dapatan-dapatan mengenai perkara yang baik dan kurang baik di mata peserta kursus pendek ini diharapkan dapat membantu pengurusan kolej komuniti untuk merangka kursus-kursus pendek yang bermutu dan memenuhi kehendak masyarakat setempat.

#### Rujukan

- Ab. Wahab Saad (1992) Persepsi Pekerja Kerani Pelabuhan Terhadap Kepuasan Kerja: Perbandingan Sektor Awam Dan Swasta. Tesis Master. UPM
- Ahmad Rosli Mohd Nor (2016) Model Laluan Perkembangan Kerjaya pelajar Kolej Komuniti. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan. UKM.
- Cohen, J. (2013). *Statistical power analysis for the behavioral sciences* (2 ed.). Hoboken: Taylor and Francis.
- Collins, N.C. (2010) *A Conceptual Model of Career Development to Enhance Academic Motivations*. PhD Dissertation. Old Dominion University.
- Ishak Yussof dan Zulkifly Osman (2010) Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Perspektif Ekonomi. Dlm. Yahaya Ibrahim dan Abdul Hair Awang (eds). *Pembangunan Modal Insan : Isu dan Cabaran*. Bangi : Penerbit UKM.
- JPKK (2010) *Perkhidmatan Kaunseling : Satu Pendekatan*. Jabatan Pengajian Kolej Komuniti. KPTM.

JPKK (2012) *Pemeriksaan Kolej Komuniti 2013-2015*. Putrajaya : PNMB.

Mohd Najib Hamdan, Ahmad Rosli, Ishak Mohd, Mohd Hafiz dan Rasmina (2017) *Laporan Kajian Kolej Komuniti Beaufort Sabah*. Tidak diterbitkan. Kementerian Pendidikan Tinggi.

Norfadzilah Mohamad, Hasnurul Nazimah Hashim, Nor Lizam Rajulan (2017) *Kajian Kepuasan Peserta Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Terhadap Kursus Pendek Pemprosesan Makanan Di Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka*. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning vol 1*, 101-112

Mohamed, Mohd Faizullah and Ibrahim, Badaruddin and Shaari, Norlida (2014) *Tinjauan terhadap keberkesanan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di Kolej Komuniti*, Kementerian Pendidikan Malaysia. *Prosiding Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional kali ke-4 (CiE-TVET 2014)*, 25-26 Ogos 2014, Mersing, Johor.

Pallant, J. (2007) *SPSS : Survival Manual*. New York: Mc Graw-Hill.

Razzian Mat Razali (2017) *Laporan Kajian: Persepsi Warga Kolej Komuniti Terhadap Peranan dan Fungsi Kolej Komuniti*. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning vol 1*, 85 – 100.

Sekaran, U. (2003). *Research Methods For Business : A Skill Building Approach*. New York : John Wilky and Sons.